

PENILAIAN PELAKSANAAN PROGRAM SUMUR DI SEKOLAH AGAMA BANTUAN KERAJAAN (SABK) DI NEGERI SELANGOR

S. KAMISAH BT SUYURNO

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2021

**PENILAIAN PELAKSANAAN PROGRAM SUMUR DI SEKOLAH AGAMA
BANTUAN KERAJAAN (SABK) DI NEGERI SELANGOR**

S. KAMISAH BT SUYURNO

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2021

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 16 Ogos 2021

Student' Declaration:

Saya, S. KAMISAH BT SUYURNO, M20181000770 FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA dengan ini mengaku bahawa disertasi yang bertajuk PENILAIAN PELAKSANAAN PROGRAM SUMUR DI SEKOLAH AGAMA BANTUAN KERAJAAN (SABK) DI NEGERI SELANGOR adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya..



Tandatangan pelajar

Supervisor's Declaration:

Saya DR. NOR HASNIDA BT CHE MD GHAZALI dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk PENILAIAN PELAKSANAAN PROGRAM SUMUR DI SEKOLAH AGAMA BANTUAN KERAJAAN (SABK) DI NEGERI SELANGOR dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian syarat untuk memperoleh IJAZAH PENGUKURAN DAN PENILAIAN.

16 Ogos 2021

Tarikh



Tandatangan Penyelia
DR. NORHASNIDA BT CHE MD GHAZALI
Senior Lecturer
Department of Educational Studies
Faculty of Human Development
Universiti Pendidikan Sultan Idris



UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS
اونيورسيٲى فنډيدين سلطان اڤريس

SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: PENILAIAN PELAKSANAAN PROGRAM SUMUR DI SEKOLAH
AGAMA BANTUAN KERAJAAN (SABK) DI NEGERI SELANGOR

No. Matrik / Matric's No.: M20181000770

Saya / I: S. KAMISAH BT SUYURNO

(Nama pelajar / Student's Name)

Mengaku membenarkan Tesis/Desertasi/Laporan Kertas Projek (Doktor Falsafah/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

Acknowledge that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek adalah hak milik UPSI.
- i. *The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris.*
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan sahaja.
- ii. *Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of research only.*
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
- iii. *The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.*
4. Perpustakaan tidak dibenarkan membuat penjualan sanaan Tesis/Disertasi ini bagi kategori **TIDAK TERHAD**.
- iv. *The library are not allowed to make any profit for 'Open Access' Thesis/Dissestation.*
5. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

☐ **SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / *Contains confidential information under the Official Secret Act 1972*

☐ **TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/ badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / *Contains restricted information as specified by the organization where research was done.*

☒ **TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

(Tandatangan Pelajar / Signature)

Tarikh : 16 Ogos 2021

(Tandatangan Pervella / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

DR. NORHUSNA CHE MOGHAMMAD
Department of Educational Studies
Faculty of Human Development
Universiti Pendidikan Sultan Idris

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.



PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Segala puji-pujian bagi Allah S.W.T. serta selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W. Alhamdulillah dengan izinNya penulisan disertasi ini telah berjaya disiapkan dalam tempoh yang ditentukan walaupun menghadapi pelbagai rintangan dan dugaan. Amin Ya-Mujib.

Di kesempatan ini saya juga mengucapkan ribuan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua pihak yang terlibat terutamanya kepada Dr. Nor Hasnida bt Che Ghazali kerana tanpa jemu membimbing dan memberikan tunjuk ajar. Selain itu, juga diucapkan terima kasih kepada semua rakan-rakan yang terlibat dalam memberikan kata-kata semangat serta dorongan dalam menyiapkan tesis ini. Hanya Allah saja yang dapat membalas jasa kalian. Amin Ya-Rahman.

Seterusnya tidak dilupakan juga buat suami, anak-anak dan keluarga tercinta yang sentiasa menjadi penguat dan pembakar semangat untuk ummi menyiapkan tesis ini. Kesabaran dan kerjasama yang diberikan amatlah dihargai. Semoga tesis ini menjadi titik tolak kepada kejayaan kita semua suatu hari nanti. Amin Ya- Rahim.

Akhir kalam semoga ilmu yang sedikit ini dapat dikongsi bersama dan sedikit sebanyak menjadi input untuk kajian yang akan datang. Segala yang baik datangnya daripada Allah dan yang kurang itu datangnya daripada kelemahan diri saya sendiri.





ABSTRAK

Tujuan utama kajian adalah untuk membuat penilaian ke atas pelaksanaan program SUMUR di Sekolah Agama Menengah Bantuan Kerajaan untuk melihat kemenjadian murid dari segi akhlak dan sahsiah. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dan menggunakan soal selidik sebagai instrumen. Seramai 297 orang responden yang terdiri daripada 20 orang pentadbir dan 277 guru di lima buah sekolah telah dipilih melalui persampelan secara rawak. Instrumen yang dibina berdasarkan kepada dimensi dalam model penilaian KIPP telah memperoleh masing-masing indeks kesahan .861, .732, .889 dan .967 serta kebolehpercayaan .956, .914, .863 dan .913. Data dianalisis melalui statistik deskriptif dan inferens. Analisis korelasi Pearson menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan, positif dan kuat antara dimensi konteks dengan dimensi produk ($r = .543$, $p = 0.00$). Namun begitu berlaku hubungan yang signifikan, sederhana dan kuat antara dimensi input dengan dimensi proses ($r = .111$, $p = 0.00$). Seterusnya analisis regresi pelbagai menunjukkan bahawa dimensi konteks, input dan proses mampu menjelaskan 52.7% variasi dari dimensi produk ($R^2=0.527$, $F(2,346) = 17.109$, $p=0.00$). Selain itu analisis dimensi konteks secara signifikan mampu meramalkan dimensi produk ($B=0.259$, $p=0.00$), dimensi input juga secara signifikan mampu meramalkan dimensi produk ($B=0.186$, $p=0.00$) dan dimensi proses juga secara signifikan mampu meramalkan dimensi produk ($B=0.486$, $p=0.00$), ini menunjukkan dimensi proses merupakan peramal terbaik bagi dimensi produk. Kesimpulannya dimensi proses dalam program SUMUR dapat menjadikan murid lebih berdisiplin dan sentiasa menjaga kekemasan diri serta membantu guru lebih mengenali murid. Namun begitu terdapat juga beberapa perkara yang perlu ditambah baik antaranya pemantauan murid hanya dilakukan oleh guru murabbi sahaja, menggabungkan beberapa program dan mewujudkan budaya kerja yang positif antara guru dan pentadbir. Implikasi kajian ini mengharapakan pihak BPI KPM meneliti kembali pelaksanaan program tentang tujuan utama pelaksanaan kerana ia dapat memberi pengaruh dan impak yang besar kepada murid khususnya remaja.



EVALUATION OF THE IMPLEMENTATION OF SUMUR PROGRAMME IN SABK IN THE STATE OF SELANGOR

ABSTRACT

The main purpose of the study is to evaluate the implementation of the SUMUR program in Government Aided Secondary Religious Schools to see the potential of students in terms of morals and personality. This study uses a quantitative approach and uses a questionnaire as an instrument. A total of 297 respondents consisting of 20 administrators and 277 teachers in five schools were selected through random sampling. The instruments that were constructed based on the dimensions in the KIPP evaluation model obtained validity indices of .861, .732, .889 and .967 as well as reliability of .956, .914, .863 and .913, respectively. Data were analyzed through descriptive and inferential statistics. Pearson correlation analysis showed that there was a significant, positive and strong relationship between context dimensions and product dimensions ($r = .543$, $p = 0.00$). However, there is a significant, simple and strong relationship between input dimensions and process dimensions ($r = .111$, $p = 0.00$). Further multiple regression analysis showed that the context, input and process dimensions were able to explain 52.7% of the variation from the product dimensions ($R^2 = 0.527$, $F(2,346) = 17.109$, $p = 0.00$). In addition, context dimension analysis is significantly able to predict product dimensions ($B = 0.259$, $p = 0.00$), input dimensions are also significantly able to predict product dimensions ($B = 0.186$, $p = 0.00$) and process dimensions are also significantly able to predict product dimensions ($B = 0.486$, $p = 0.00$), this indicates that the process dimension is the best predictor of product dimensions. In conclusion, the process dimension in the SUMUR program can make students more disciplined and always keep themselves tidy and help teachers get to know students better. However, there are also some things that need to be improved such as the monitoring of students is only done by murabbi teachers only, combining several programs and creating a positive work culture between teachers and administrators. The implications of this study expect the BPI KPM to re-examine the implementation of the program on the main purpose of the implementation because it can give a great influence and impact to students, especially adolescents.

**ISIKANDUNGAN****MUKA SURAT**

BORANG PERAKUAN KEASLIAN	ii
---------------------------------	----

BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS	iii
---	-----

PENGHARGAAN	iv
--------------------	----

ABSTRAK	v
----------------	---

ABSTRACT	vi
-----------------	----

KANDUNGAN	vii
------------------	-----

SENARAI JADUAL	xiii
-----------------------	------

SENARAI RAJAH	xvii
----------------------	------

SENARAI SINGKATAN	xviii
--------------------------	-------

SENARAI LAMPIRAN	xix
-------------------------	-----

BAB 1	Pengenalan	1
--------------	-------------------	---

1.1	Pendahuluan	1
-----	-------------	---

1.2	Latar Belakang Kajian	3
-----	-----------------------	---

1.3	Pernyataan Masalah	5
-----	--------------------	---

1.4	Objektif Kajian	9
-----	-----------------	---

1.5	Persoalan Kajian	9
-----	------------------	---



1.6	Hipotesis Kajian	10
1.7	Kerangka Konseptual Kajian	12
1.8	Kepentingan Kajian	16
1.9	Batasan Kajian	17
1.10	Definisi Operasional	18
1.10.1	Penilaian	18
1.10.2	Model KIPP (CIPP)	19
1.10.3	Program SUMUR	20
1.10.4	Sahsiah	20
1.10.5	Nilai-nilai murni	21
1.10.6	Akhlak	22
1.10.7	Jati diri	22
1.10.8	Daya kepimpinan	23
1.10.9	Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK)	24
1.11	Rumusan	24
BAB 2	TINJAUAN LITERATUR	25
2.1	Pengenalan	25
2.2	Penilaian	27
2.2.1	Jenis-jenis Penilaian	29
2.2.1.1	Penilaian Formatif	30
2.2.1.2	Penilaian Sumatif	30
2.2.2	Penilaian program	31

2.2.3	Pendekatan dan Model Penilaian.	35
2.2.3.1	Pendekatan Berorientasikan Objektif (<i>Objectives – oriented evaluation approach</i>)	36
2.2.3.2	Pendekatan Berorientasikan Penyertaan (<i>Participant-oriented evaluation approach</i>)	37
2.2.3.3	Pendekatan Berorientasikan Keputusan (<i>Decision-oriented evaluation approach</i>)	39
2.3	Faktor Pemilihan Model Penilaian KIPP (CIPP)	46
2.4	Kajian Lalu yang Menggunakan Model Penilaian KIPP	49
2.5	Program SUMUR di Malaysia	54
2.5.1	Modul Mutadayyin	57
2.5.2	Modul Berbudhi Bahasa	58
2.5.3	Modul Jati Diri	59
2.5.4	Modul Penampilan Diri	60
2.6	Teori dan Model yang Menyokong Kajian	61
2.6.1	Teori Peribadi Imam al-Ghazali	62
2.6.2	Teori Konstruktivisme	65
2.6.3	Rasulullah Model Akhlak Mulia	66
2.7	Konstruk kajian	67
2.7.1	Dimensi Penilaian Konteks	67
2.7.2	Dimensi Penilaian Input	67
2.7.3	2.7.3 Dimensi Penilaian Proses	68
2.7.4	Dimensi Penilaian Produk	71

2.8	Rumusan	71
-----	---------	----

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN 73

3.1	Pengenalan	73
-----	------------	----

3.2	Reka bentuk kajian	73
-----	--------------------	----

3.3	Populasi dan Persampelan	75
-----	--------------------------	----

3.3.1	Pemilihan Sekolah	77
-------	-------------------	----

3.3.2	Pemilihan Sampel	78
-------	------------------	----

3.4	Instrumen Kajian	79
-----	------------------	----

3.4.1	Pembinaan Soal Selidik Penilaian SUMUR	81
-------	--	----

3.5	Kesahan Soal Selidik	88
-----	----------------------	----

3.5.1	Kesahan Muka dan Kesahan Kandungan.	89
-------	-------------------------------------	----

3.6	Kajian rintis	92
-----	---------------	----

3.6.1	Kesahan konstruk	94
-------	------------------	----

3.6.2	Kebolehpercayaan	95
-------	------------------	----

3.7	Dapatan Kajian Rintis	97
-----	-----------------------	----

3.7.1	Analisis Faktor Eksploratori (EFA)	97
-------	------------------------------------	----

3.7.1.1	Analisis Faktor Eksploratori (EFA) Dimensi Konteks	99
---------	---	----

3.7.1.2	Analisis Faktor Eksploratori (EFA) Dimensi Input	101
---------	---	-----

3.7.1.3	Analisis Faktor Eksploratori (EFA) Dimensi Proses	103
---------	--	-----

3.7.1.4	Analisis Faktor Eksploratori (EFA) Dimensi Produk	107
---------	--	-----

3.7.2	Kebolehpercayaan Soal Selidik Rintis	108
3.7.3	Kebolehpercayaan Soal Selidik Sebenar	109
3.7.3.1	Kebolehpercayaan Dimensi Konteks	110
3.7.3.2	Kebolehpercayaan Dimensi Input	111
3.7.3.3	Kebolehpercayaan Dimensi Proses	111
3.7.3.4	Kebolehpercayaan Dimensi Produk	112
3.8	Pengumpulan Data	113
3.9	Kaedah Menganalisis Data	114
3.10	Rumusan	117
BAB 4	DAPATAN KAJIAN	118
4.1	Pendahuluan	118
4.2	Analisis Profile Responden	119
4.3	Analisis Persoalan kajian	120
4.3.1	Dimensi Penilaian Konteks / <i>Context</i> (K)	121
4.3.2	Penilaian Input / <i>Input</i> (I)	125
4.3.3	Dimensi Penilaian Proses / <i>Process</i> (P)	130
4.3.4	Dimensi Penilaian Produk / <i>Product</i> (P)	139
4.4	Rumusan	154
BAB 5	PERBINCANGAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN	155
5.1	Pendahuluan	155
5.2	Ringkasan kajian.	155
5.3	Perbincangan Dapatan Kajian	158

5.3.1	Mengenal Pasti Persepsi Guru Terhadap Pelaksanaan Program SUMUR Berdasarkan Konteks, Input, Proses Dan Produk.	158
5.3.1.1	Dimensi Konteks	158
5.3.1.2	Dimensi Input	163
5.3.1.3	Dimensi Proses	167
5.3.1.4	Dimensi Produk	174
5.3.2	Mengenal Pasti Sama Ada Terdapat Hubungan Antara Setiap Dimensi Konteks, Input, Proses dan Produk Dalam Pelaksanaan Program SUMUR.	176
5.3.3	Mengenal Pasti Sejauhmana Pengaruh Dimensi Penilaian Konteks, Input dan Proses Ke Atas Dimensi Produk Dalam Pelaksanaan Program SUMUR.	181
5.3.4	Mengenal Pasti Peramal Terbaik Antara Dimensi Konteks, Input dan Proses Dalam Pelaksanaan Program SUMUR?	182
5.4	Implikasi Kajian	185
5.5	Cadangan Kajian Lanjutan	186
5.6	Rumusan	187
	RUJUKAN	189
	LAMPIRAN	

SENARAIJADUAL

No. Jadual		Muka Surat
2.1	Perbezaan antara penilaian formatif dan penilaian sumatif	31
2.2	Pendekatan dan model-model penilaian	35
2.3	Skop Model Penilaian KIPP	44
2.4	Perbezaan antara Model Penilaian	45
2.5	Pelan Tindakan Pelaksanaan Program SUMUR	70
3.1	Jumlah Populasi dan Sampel	76
3.2	Sekolah dan bilangan Guru di Zon Barat.	78
3.3	Taburan Spesifikasi Item Mengikut Konstruk	86
3.4	Skala Likert 5 Mata	87
3.5	Senarai Pembinaan Instrumen Kajian	91
3.6	Nilai Pekali Alfa (α) dan Kebolehpercayaan	97
3.7	Ujian Kesesuaian Penggunaan Analisis Faktor dan Keseragaman Item KMO dan <i>Bartlett's Test</i> terhadap Pemboleh Ubah Dimensi Konteks	100
3.8	Matriks Komponen dengan Putaran Varimax Pemboleh Ubah Dimensi Konteks	101

3.9	Ujian Kesesuaian Penggunaan Analisis Faktor dan Keseragaman Item KMO dan <i>Bartlett's Test</i> terhadap Pemboleh Ubah Dimensi Input	101
3.10	Matriks Komponen dengan Putaran Varimax Pemboleh Ubah Dimensi Input	103
3.11	Ujian Kesesuaian Penggunaan Analisis Faktor dan Keseragaman Item KMO dan <i>Bartlett's Test</i> terhadap Pemboleh ubah Dimensi Proses	103
3.12	Matriks Komponen dengan Putaran Varimax Pemboleh ubah Dimensi Proses	105
3.13	Ujian Kesesuaian Penggunaan Analisis Faktor dan Keseragaman Item KMO dan <i>Bartlett's Test</i> terhadap Pemboleh ubah Dimensi Produk	107
3.14	Matriks Komponen dengan Putaran Varimax Pemboleh ubah Dimensi Produk	108
3.15	Kebolehpercayaan Soal Selidik Rintis	109
3.16	Kebolehpercayaan Soal Selidik Sebenar	110
3.17	Tahap klasifikasi skor min	115
3.18	Nilai pekali korelasi dan hubungan	115
4.1	Profile Responden Kajian Sebenar Berdasarkan Demografi	119
4.2	Persepsi guru terhadap pelaksanaan Program SUMUR dalam Dimensi Konteks bagi FPK?	121
4.3	Persepsi guru terhadap pelaksanaan Program SUMUR dalam Dimensi Konteks bagi FPK?	123
4.4	Persepsi guru terhadap pelaksanaan Program SUMUR dalam Dimensi Konteks? (PPPM 2013-2025)	124

4.5	Persepsi guru terhadap pelaksanaan Program Dimensi Input bagi Kemudahan?	SUMUR dalam	125
4.6	Persepsi guru terhadap pelaksanaan Program Dimensi Input bagi Hebahan Maklumat?	SUMUR dalam	127
4.7	Persepsi guru terhadap pelaksanaan Program Dimensi Input bagi Peranan Pentadbir?	SUMUR dalam	128
4.8	Persepsi guru terhadap pelaksanaan Program Dimensi Input bagi Ibubapa?	SUMUR dalam	129
4.9	Persepsi guru terhadap Perlaksanaan Program Dimensi Proses bagi Pelaksanaan?	SUMUR dalam	130
4.10	Persepsi guru terhadap Pelaksanaan Program Dimensi Proses bagi Pemantauan?	SUMUR dalam	132
4.11	Persepsi guru terhadap pelaksanaan Program Dimensi Proses bagi Perlaksanaan Murid kepada Guru?	SUMUR dalam	133
4.12	Persepsi guru terhadap proses Pelaksanaan Program dalam Dimensi Proses bagi Pelaksanaan Murid – Murid?	SUMUR dalam	134
4.13	Persepsi guru terhadap perlaksanaan Program Dimensi Proses bagi Pelaksanaan Murid kepada Ibubapa?	SUMUR dalam	135
4.14	Persepsi guru terhadap Perlaksanaan Program Dimensi Proses bagi Pengisian Data?	SUMUR dalam	136
4.15	Persepsi guru terhadap pelaksanaan Program Dimensi Proses bagi Cabaran?	SUMUR dalam	137
4.16	Persepsi guru terhadap Perlaksanaan Program Dimensi Produk bagi Personaliti Terpuji?	SUMUR dalam	139
4.17	Persepsi guru terhadap Perlaksanaan Program Dimensi Produk bagi Cintakan Ilmu?	SUMUR dalam	140

4.18	Persepsi guru terhadap pelaksanaan Program SUMUR Dalam Dimensi Produk bagi Penjagaan Kesihatan?	141
4.19	Persepsi guru terhadap pelaksanaan Program SUMUR dalam Dimensi Produk bagi Ketahanan Diri?	142
4.20	Persepsi guru terhadap pelaksanaan Program SUMUR dalam Dimensi Produk bagi Daya Kepimpinan?	143
4.21	Persepsi guru terhadap pelaksanaan Program SUMUR dalam Dimensi Produk bagi Semangat Patriotisme?	144
4.22	Korelasi Pearson antara dimensi penilaian konteks dengan dimensi penilaian input dalam pelaksanaan Program SUMUR.	145
4.23	Korelasi Pearson antara dimensi penilaian konteks dengan dimensi penilaian proses dalam pelaksanaan Program SUMUR	146
4.24	Korelasi Pearson antara dimensi penilaian konteks dengan dimensi penilaian produk dalam pelaksanaan Program SUMUR.	147
4.25	Korelasi Pearson antara dimensi penilaian input dengan dimensi penilaian proses dalam pelaksanaan Program SUMUR	148
4.26	Korelasi Pearson antara dimensi penilaian input dengan dimensi penilaian produk dalam pelaksanaan program SUMUR.	149
4.27	Korelasi Pearson antara dimensi penilaian proses dengan dimensi penilaian produk dalam pelaksanaan Program SUMUR.	150
4.28	Pengaruh dimensi penilaian konteks, dimensi penilaian input dan dimensi penilaian proses ke atas dimensi penilaian produk dalam pelaksanaan Program SUMUR?	151
4.29	Peramal terbaik untuk dimensi penilaian produksi dalam pelaksanaan Program SUMUR <i>Coefficients</i> ^a	152
4.30	Rumusan Hipotesis Kajian	153

SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
1.1	Kerangka konseptual kajian bagi menilai Pelaksanaan Program SUMUR menggunakan Model Penilaian KIPP.	15
4.1	Rajah hubungan antara Dimensi Konteks, Dimensi Input, Dimensi Proses dan Dimensi Produk.	151

SENARAI SINGKATAN

BPI	Bahagian Pendidikan Islam
FPK	Falsafah Pendidikan Kebangsaan
JAIS	Jabatan Agama Islam Selangor
KIPP	Konteks, Input, Proses, Produk
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
PPD	Pejabat Pendidikan Daerah
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
SABK	Sekolah Agama Bantuan Kerajaan
SPI	Sektor Pendidikan Islam
SUMUR	Sahsiah Unggul Murid



SENARAILAMPIRAN

- A Surat Pengesahan Pelajar
- B Surat Kebenaran Menjalankan Penyelidikan
- C Soal Selidik Guru
- D Surat Perlantikan Pakar Soal Selidik





BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Bab ini akan menghuraikan aspek-aspek yang berkaitan dengan latar belakang kajian yang dijalankan, mengenengahkan permasalahan kajian, objektif kajian dan soalan kajian yang dirangka bagi melaksanakan kajian ini. Selain itu bahagian ini juga menjelaskan tentang kerangka konseptual kajian yang menjadi panduan kepada asas pelaksanaan kajian, batasan kajian dan definisi operasional turut dimuatkan dalam bab ini.

Pendidikan merupakan satu perkara yang sangat penting bagi sesebuah negara lebih-lebih yang melibatkan kemahiran dan nilai-nilai sahsiah yang baik ke arah kemenjadian murid yang disegani dan disanjung tinggi. Ianya merupakan satu proses yang sangat mencabar bagi seorang guru dalam melahirkan individu yang mempunyai ciri dan tingkahlaku yang berkembang seiring dengan kemajuan dan perubahan dari masa ke semasa. Ini kerana kekuatan sebenar sesebuah negara adalah terletak pada



tahap ilmu dan kemahiran yang dikuasai oleh rakyat di negara tersebut (Rajendran, 2001). Maka sekiranya sistem pendidikan di sesebuah negara gagal memberikan ilmu dan kemahiran yang diperlukan oleh rakyatnya, maka negara tersebut tidak akan mampu bersaing seterusnya ketinggalan dengan negara lain.

Sudah pasti setiap negara di dunia mempunyai sistem pendidikan yang tersendiri (Zainudin, Mohd Zaki & Nur Azza, 2015) dan hampir kesemua sistem pendidikan tersebut mengalami perubahan dan transformasi untuk terus relevan pada masa hadapan. Kesemua perubahan yang berlaku adalah bertujuan untuk memenuhi keperluan semasa dan masa hadapan dalam persekitaran pendidikan (Muhammad Faizal & Abd. Khalil, 2015) yang semakin lama semakin mencabar.

Oleh yang demikian bagi memastikan kesemua individu yang bergelar pelajar mampu bersaing secara sihat, kerajaan telah melakukan pelbagai tranformasi dari segi dasar dan sistem pendidikan untuk memastikan anak-anak bangsa mendapat akses kepada pendidikan berkualiti dan sempurna. Ini kerana sejak lahir seseorang pelajar itu memiliki pelbagai keupayaan, bakat dan potensi yang boleh dikembangkan melalui interaksi dengan persekitaran dan pendidikan yang berkualiti (Ahmad Mohd, 2003).

Dengan cara ini secara tidak langsung dapat membentuk kepada generasi muda yang berilmu, berfikiran kreatif, berinovatif, bercirikan nilai murni serta mampu bersaing di persada antarabangsa yang penuh cabaran. Ini kerana kebanyakan negara membangun beranggapan sistem pendidikan adalah satu kuasa yang dapat untuk mempercepatkan pembaharuan dan perubahan (Zainudin et al., 2015).



Sehubungan itu kesemua proses ini perlulah berlaku secara seiringan diantara bagi mengelakkan berlakunya pelbagai masalah, kerana pelbagai masalah akan terjadi sekiranya sesuatu pendidikan itu membelakangi kemajuan dan begitu juga sebaliknya (Abd. Majid et.al., 2002).

1.2 Latar Belakang Kajian

“Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan.

Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab, berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan keluarga.”

(Kementerian Pendidikan Malaysia, 1988)

Bertepatan dengan Akta Pendidikan (1996) oleh Kementerian Pendidikan yang inginkan Malaysia sebagai sebuah negara maju menjelang tahun 2020 pelbagai langkah telah di ambil antaranya dengan memberikan penekanan kepada proses pembelajaran sepanjang hayat (Abu Bakar & Ikhsan, 2003) agar dapat menghasilkan warga negara yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan



berkeupayaan bagi mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.

Justeru secara tidak langsung pernyataan ini telah menguatkan lagi pernyataan Falsafah Pendidikan Negara yang ingin melahirkan insan yang seimbang dalam semua aspek khususnya intelek, rohani, emosi dan jasmani dan ini menunjukkan kemenjadian yang diinginkan bukan hanya dari segi akademik dan kurikulum malahan ianya juga meliputi seluruh aspek termasuklah sahsiah dan akhlak pelajar. Sehubungan itu, penekanan kepada elemen moral seperti disiplin, bertanggungjawab serta penerapan nilai – nilai positif juga perlu diberikan penekanan kerana agenda penting pendidikan dalam sesebuah negara adalah termasuk membangunkan aspek-aspek moral individu dan masyarakat (Musgrave, 1978) .



Berikutan pernyataan tersebut maka FPI menerusi aspirasi ke tiga dan ke lima PPPM (2013-2025) telah melahirkan satu program yang dapat memberikan penekanan kepada kemahiran kepimpinan dan etika kerohanian yang bertujuan untuk melahirkan pelajar yang berkebolehan dari segi kepimpinan, berdaya tahan, mempunyai kecerdasan emosi dan kemahiran berkomunikasi yang baik. Rentetan itu dengan dua aspirasi ini diharapkan mampu untuk melahirkan pelajar yang berani mendepani cabaran dan mampu untuk menyelesaikan masalah seterusnya membentuk individu penyayang yang dapat menyumbang kepada kesejahteraan komuniti dan negara.

Seterusnya anjakan ketiga dalam PPPM juga turut mengharapakan agar pelajar yang dilahirkan juga mempunyai nilai-nilai murni meliputi integriti, belas kasihan, adil dan dapat membentuk identiti nasional yang kukuh. Rentetan itu perkara ini telah memberikan peluang kepada Bahagian Pendidikan Agama Islam dan Moral (BPI)



mewujudkan satu program yang dikenali sebagai Sahsiah Unggul Murid (SUMUR) yang antara objektif utama penubuhannya adalah untuk melahirkan murid yang mempunyai personaliti terpuji dan boleh dicontohi, mempunyai ketahanan diri, daya kepimpinan dan mempunyai semangat patriotisme yang tinggi.

Maka dalam kajian ini pengkaji akan memberikan tumpuan kepada penilaian program secara keseluruhan yang meliputi faktor keperluan, peluang, nilai, kemahiran dan sasaran dengan menggunakan sumber yang ada bagi mengetahui dan mengenalpasti sebarang kelemahan yang wujud terhadap program tersebut.

1.3 Pernyataan Masalah

Dalam era global masa kini, kejayaan sesebuah negara amat bergantung kepada ilmu pengetahuan, kemahiran dan kompetensi pelajar dalam setiap bidang meliputi akademik dan kurikulum seiring hasrat Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) bagi mempersiapkan diri untuk menghadapi abad ke 21.

Lantaran itu pendekatan yang menyeluruh terhadap modal insan perlu dipertingkatkan dengan memberikan pelbagai penekanan menyeluruh merangkumi ilmu-ilmu kemahiran, nilai etika, disiplin dan minda yang prosesif lebih-lebih lagi kepada golongan remaja bagi meningkatkan produktiviti negara di masa akan datang. Selain itu golongan remaja juga perlu mempunyai nilai etika yang tinggi kerana ianya merupakan tanggapan awal masyarakat luar terhadap kemampuan pelajar. Dengan cara ini nilai-nilai baik dan positif khususnya dalam hal pembentukan sahsiah, tingkah laku,



bertanggungjawab yang secara tidak langsung dapat merangsang minda pelajar berfikir secara kritis dan mampu membuat keputusan yang betul.

Oleh yang demikian pelbagai langkah proaktif telah diambil oleh pelbagai pihak khususnya sekolah untuk menarik minat dan memberikan pendedahan tentang ilmu dan kemahiran antaranya dengan melaksanakan pelbagai kempen dan program yang dapat memberikan kesedaran kepada pelajar khususnya generasi muda dalam menempuhi cabaran yang mendatang.

Berdasarkan kepada statistik Jabatan Pendaftaran Negara pada tahun 2017 sebanyak 4,992 orang anak yang dilahirkan adalah tidak sah taraf, dan sehingga Jun 2018 jumlah ini telah meningkat kepada seramai 1,664 orang. Selain itu menurut Berita Harian bertarikh 18 Februari 2019, sebanyak 10,154 kes disiplin pelbagai kesalahan yang melibatkan pelajar telah direkodkan dan kesalahan bagi ponteng sekolah telah mencatatkan kesalahan tertinggi iaitu sebanyak 7,709 kes diikuti oleh masalah disiplin yang merangkumi tingkah laku kurang sopan, kekemasan diri dan vandalisme.

Kajian Fatimah (2007) mengatakan masalah sosial seperti pelanggaran disiplin, merokok, ponteng sekolah dan berani melakukan kesalahan jenayah adalah antara faktor yang menyumbang kepada kemerosotan disiplin dan etika yang akhirnya menyebabkan kegagalan pelajaran. Dapatan ini disokong oleh kajian Sapora dan Ruhayu (2012) mengatakan bahawa masalah dalaman dan kerohanian lebih-lebih lagi yang melibatkan roh dan jiwa sering menjadi penyebab kepada keruntuhan akhlak remaja.





Selain itu kajian Fauziah et. al, (2012) juga bersetuju dengan perkara tersebut dan mengatakan bahawa tidak menjaga kekemasan diri dan tidak beretika menyebabkan pelajar lebih terdorong kepada perkara negatif seperti ponteng sekolah, melepak, merokok, membuli dan vandalisme (Buerah et. al, 2015).

Buktinya Utusan Online bertarikh 30 Ogos 2018 menunjukkan kadar keseriusan salah laku pelajar khususnya yang melibatkan remaja adalah berada pada tahap yang sangat membimbangkan, lebih-lebih lagi dalam empat kategori iaitu jenayah seperti bergaduh dan merosakkan harta benda awam, berkelakuan negatif seperti berambut panjang, bercakap kasar dan menentang arahan guru, ponteng kelas dan ponteng aktiviti kokurikulum dan menipu samaada dalam ujian atau pun tidak dan bercakap bohong (Noraini, 2013) dan mungkin disebabkan oleh kurangnya ilmu pengetahuan dan didikan agama (Fauziah et. al, 2012).



Perkara ini jelas menunjukkan bahawa golongan remaja khususnya pelajar masih lagi mempunyai kurang kesedaran dan harapan terhadap kemenjadian modal insan sebenar belum lagi menjadi kenyataan. Sehubungan itu satu program yang dinamakan Sahsiah Unggul Murid (SUMUR) telah dilaksanakan di semua sekolah samaada Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) ataupun Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) dan mempunyai lima objektif utama antaranya untuk melahirkan pelajar yang memiliki personaliti terpuji dan boleh dicontohi, sentiasa memburu ilmu untuk kebahagiaan dunia dan akhirat, mempraktikkan amalan penjagaan kesihatan, mempunyai ketahanan diri dan berusaha meningkatkan daya kepimpinan dan mempunyai semangat patriotisme yang tinggi.



Terdapat beberapa kajian yang telah dijalankan ke atas program ini antaranya kajian oleh Khalid (2018) yang mengkaji tentang pelaksanaan Program SUMUR di SMKA mendapati bahawa tahap pelaksanaan aspek-aspek dalam modul SUMUR banyak mempengaruhi pembangunan sahsiah terutamanya dari segi pemakaian, adab sopan dan solat berkualiti manakala kajian Sobariah (2013) juga mendapati bahawa program SUMUR ini memberikan kesan yang sangat positif terhadap perkembangan dan pembentukan sahsiah pelajar.

Seterusnya kajian yang dijalankan oleh Muhammad (2017) dengan menggunakan Model IPPO mendapati bahawa keseluruhan input, proses dan outcome berada pada tahap sederhana manakala output dari segi peruntukan kewangan, bahan, masa, sikap dan akhlak murid adalah berbeza dan sangat ketara mengikut negeri. Kajian Mardziah dan Nurul (2018) menunjukkan tahap pengamalan murid terhadap Modul SUMUR berada di tahap sederhana dalam kategori penghayatan akhlak murid.

Berdasarkan kepada kajian terdahulu yang telah dijalankan pengkaji mendapati terdapat beberapa perkara yang harus dikaji dengan lebih mendalam antaranya penilaian Pelaksanaan Program SUMUR dengan menggunakan Model CIPP yang memberikan penekanan kepada Konteks dari segi pengaplikasian terhadap Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK), Falsafah Pendidikan Islam (FPI) dan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (PPPM), Input terhadap hebahan maklumat dan kompetensi guru, Proses pelaksanaan dan cabaran yang dihadapi dan hasil produk terhadap lima objektif utama Program SUMUR, seterusnya kajian ini juga dijalankan di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) dan belum lagi pernah di jalankan kajian di sekolah tersebut.



1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian ini secara umumnya adalah bertujuan untuk menilai pelaksanaan

Program SUMUR berdasarkan empat dimensi iaitu :

1. Mengenal pasti persepsi guru terhadap pelaksanaan Program SUMUR berdasarkan dimensi Konteks, Input, Proses dan Produk.
2. Mengenalpasti sama ada terdapat hubungan antara setiap dimensi Konteks, Input, Proses dan Produk dalam pelaksanaan Program SUMUR.
3. Mengenal pasti sejauhmana pengaruh dimensi Konteks, Input, Proses ke atas dimensi Produk dalam pelaksanaan Program SUMUR.
4. Mengenal pasti peramal terbaik antara dimensi Konteks, Input, dan Produk dalam pelaksanaan Program SUMUR.



1.5 Persoalan Kajian

Beberapa persoalan kajian telah dibina berdasarkan objektif kajian seperti yang berikut:

- 1a. Apakah persepsi guru terhadap pelaksanaan Program SUMUR dalam Dimensi Konteks?
- 1b. Apakah persepsi guru terhadap pelaksanaan Program SUMUR dalam Dimensi Input?
- 1c. Apakah persepsi guru terhadap pelaksanaan Program SUMUR dalam Dimensi Proses?
- 1d. Apakah persepsi guru terhadap pelaksanaan Program SUMUR dalam Dimensi Produk?
2. Adakah terdapatnya hubungan antara:





- a. Dimensi konteks dengan dimensi input dalam pelaksanaan Program SUMUR?
- b. Dimensi konteks dengan dimensi proses dalam pelaksanaan Program SUMUR?
- c. Dimensi konteks dengan dimensi produk dalam pelaksanaan Program SUMUR?
- d. Dimensi input dengan dimensi proses dalam pelaksanaan Program SUMUR?
- e. Dimensi input dengan dimensi produk dalam pelaksanaan Program SUMUR?
- f. Dimensi proses dengan dimensi produk dalam pelaksanaan Program SUMUR?



3. Sejauh manakah dimensi konteks, dimensi input dan dimensi proses mempengaruhi dimensi produk dalam pelaksanaan Program SUMUR?
4. Adakah dimensi konteks, dimensi input dan dimensi proses merupakan peramal terbaik untuk dimensi produk dalam pelaksanaan Program SUMUR?

1.6 Hipotesis Kajian

Berdasarkan objektif dan persoalan kajian, maka pengkaji telah mengemukakan lapan hipotesis kajian seperti yang dinyatakan di bawah:

1. Hipotesis pertama, kedua, ketiga, keempat, kelima dan keenam adalah bagi menjawab objektif kajian kedua iaitu: Menenalpasti sama ada terdapat hubungan antara setiap dimensi Konteks, Input, Proses dan Produk dalam pelaksanaan Program SUMUR.



H_{a1}: Terdapat hubungan di antara dimensi Konteks dengan dimensi Input dalam pelaksanaan Penilaian Program SUMUR.

H_{a2}: Terdapat hubungan di antara dimensi Konteks dengan dimensi Proses dalam pelaksanaan Penilaian Program SUMUR.

H_{a3}: Terdapat hubungan di antara dimensi Konteks dengan dimensi Produk dalam pelaksanaan Penilaian Program SUMUR.

H_{a4}: Terdapat hubungan di antara dimensi Input dengan dimensi Proses dalam pelaksanaan Penilaian Program SUMUR .

H_{a5}: Terdapat hubungan di antara dimensi Input dengan dimensi Produk dalam pelaksanaan Penilaian Program SUMUR.

H_{a6}: Terdapat hubungan di antara dimensi Proses dengan dimensi Produk dalam pelaksanaan Penilaian Program SUMUR.

2. Hipotesis tujuh adalah bagi menjawab objektif kajian ketiga iaitu: Mengenal pasti sejauhmana pengaruh dimensi Konteks, Input, Proses ke atas dimensi Produk dalam pelaksanaan Program SUMUR.

H_{a7}: Dimensi Konteks, dimensi Input dan dimensi Proses mempunyai pengaruh yang signifikan ke atas dimensi Produk dalam pelaksanaan Penilaian Program SUMUR.

3. Hipotesis lapan adalah bagi menjawab objektif kajian keempat iaitu: Mengenal pasti peramal terbaik antara dimensi Konteks, Input, dan Produk dalam pelaksanaan Program SUMUR.

H_{a8}: Terdapat satu peramal terbaik antara dimensi Konteks, Input dan Proses untuk dimensi Produk dalam pelaksanaan Penilaian Program SUMUR.

1.7 Kerangka Konseptual Kajian

Kerangka konseptual kajian yang digunakan ini adalah berdasarkan adaptasi daripada Model Penilaian CIPP (Stufflebeam & Shinkfield, 2007) yang terdiri daripada empat akronim yang utama iaitu K (Konteks), I (Input), P (Proses) dan P (Produk). Model penilaian ini adalah model yang berorientasikan kepada membuat keputusan (Mahmud, 2012). Penilaian ini juga dapat dilakukan semasa program itu sedang berjalan dengan cara memberikan tumpuan terhadap proses membuat keputusan khususnya kepada penilaian atau “stake holder”. Stufflebeam (1971) juga berpendapat bahawa model ini sangat sesuai digunakan oleh para pendidik kerana ia dapat memberikan respon dengan kadar segera terhadap persoalan dan isu-isu penilaian yang timbul. Model penilaian berorientasikan membuat keputusan Stufflebeam ini terdiri daripada empat dimensi penilaian yang utama iaitu konteks, input, proses dan produk yang setiap proses daripadanya akan berlaku secara berulang.

Oleh yang demikian dalam kajian ini pengkaji menggunakan kerangka konseptual kajian berasaskan Model KIPP bagi menilai pelaksanaan Program SUMUR berpanduan kepada empat dimensi berikut:

1. Dimensi Penilaian Konteks (K)

Merupakan penilaian yang digunakan dalam membuat perancangan keputusan yang memfokuskan kepada syarat-syarat awal dan keperluan yang wujud dalam sesuatu program latihan. Penilaian ini memberikan gambaran yang jelas tentang hasil jangkaan dengan menggunakan ukuran berdasarkan kriteria yang telah ditentukan kerana ianya boleh dilaksanakan sebelum, semasa atau pun selepas sesuatu program (Stufflebeam & Shinkfield, 2007).

Melalui dimensi penilaian konteks ini juga dapat memberikan peluang kepada para pembuat keputusan untuk merancang objektif program samaada untuk mengesahkan, mengubahsuai atau membangunkan objektif baru (Isasc & Micheal, 1982) kerana ianya akan mempengaruhi keputusan perancangan program. Oleh yang demikian persoalan yang timbul dalam dimensi penilaian konteks ini adalah berkaitan tentang matlamat program matlamat program (Clinton, 2001), konteks program dan bagaimana ia sepadan dengan populasi sasaran, apa yang perlu dilakukan untuk menilai program (Isaac & Micheal, 1982) dan objektif yang sepatutnya dicapai.

2. Dimensi Penilaian Input (I)

Dimensi Penilaian input pula adalah penilaian yang berorientasikan kepada penetapan kaedah untuk membuat perubahan yang memfokuskan kepada penstrukturan keputusan (Amin, 2008). Menerusi dimensi penilaian input ianya akan memberikan peluang kepada pembuat keputusan atau stake holder untuk mengenalpasti halangan-halangan yang mungkin dihadapi disamping mengenali struktur program yang berkaitan dengan strategi, personel sumber, prosedur dan penilaian kos prospektif bagi mencapai objektif program (Nor Hasnida, 2016). Oleh itu dalam dimensi ini ianya akan melibatkan persoalan tentang bagaimana untuk menilai program (Isaac & Micheal, 1982), strategi atau prosedur yang harus digunakan, apakah input yang diterima daripada Kementerian Pendidikan (Clinton, 2001) dan apakah perkembangan professional yang diberikan oleh pembekal.

Oleh yang demikian pihak pengurusan perlu mengenal pasti reka bentuk dan strategi pendidikan yang sesuai digunakan untuk mencapai hasil yang diharapkan.

3. Dimensi Penilaian Proses (P)

Stufflebeam & Shinkfield (2007) mengatakan penilaian proses merupakan pemantauan ke atas proses pelaksanaan program dengan menyediakan senarai rujuk utama untuk pemantauan berterusan. Matlamat utama penilaian proses adalah untuk mengumpulkan dan mendokumentasikan data dan sejauh mana perubahan telah berlaku di samping memperbaiki komponen yang memerlukan penekanan (Mohd Fadzli & Abdul Jaleel, 2013).

Dimensi penilaian proses ini juga memberikan tumpuan kepada proses yang dilaksanakan (Zhang et.al., 2011) untuk pelaksanaan sesuatu keputusan dengan mengenalpasti sebarang kecacatan yang wujud dalam rekabentuk atau aktiviti yang dijalankan. Sekiranya terdapat sebarang kecacatan penambahbaikan akan segera dilaksanakan kerana penilaian proses ini merupakan satu penilaian yang bermula dari awal hingga akhir dan berterusan sehingga selesai program tersebut dilaksanakan. Oleh yang demikian persoalan yang timbul dalam penilaian proses ini adalah adakah proses yang dilakukan mengikut urutan dan betul, adakah strategi dan prosedur berfungsi sebagaimana yang dirancang (Isaac & Micheal, 1982) dan adakah reka bentuk perkhidmatan dilaksanakan dengan cekap dan di ubah suai seperti yang dikehendaki (Stufflebeam, 2003)


4. Dimensi Penilaian Produk (P)

Dimensi ini dikenali juga sebagai penilaian hasil dimana ianya membuat penilaian mengaitkan kesemua empat sub iaitu matlamat, konteks, input dan proses dengan hasil program. Setiap penilaian dibuat mengandungi mestilah mengandungi tiga aktiviti yang utama iaitu pengumpulan, penyusunan dan penganalisan maklumat sebelum laporan

akhir dibuat. Dalam menjalankan penilaian setelah maklumat tentang hasil program diperolehi maka perbandingan antara jangkaan dan hasil akan dibuat, seterusnya penilai (stake holder) akan membuat keputusan samaada untuk meneruskan, menamatkan, mengubah suai atau menambah baik objektif program tersebut.

Menurut Stufflebeam (2003), dimensi penilaian produk adalah bertujuan untuk membandingkan hasil program dengan objektif yang telah ditetapkan. Antara penilaian produk yang menjadi persoalan adalah adakah usaha atau program ini berjaya dan mencapai matlamat dan objektif yang ditetapkan (Isaac & Micheal, 1982).

Untuk kajian ini penyelidik menggunakan Model Penilaian KIPP adaptasi daripada Stufflebeam untuk setiap dimensi konteks, input, proses dan produk manakala untuk menguji kekuatan hubungan atau pengaruh diantara satu sama lain ianya akan ditunjukkan melalui anak panah yang diberikan.



Rajah 1.1. Kerangka konseptual kajian bagi menilai Pelaksanaan Program SUMUR menggunakan Model Penilaian KIPP.



1.8 Kepentingan Kajian

Masalah kemenjadian pelajar dalam pembangunan sahsiah dan modal insan yang berteraskan kepada pegangan agama yang kukuh dan utuh perlu ditangani segera. Oleh yang demikian Bahagian Pendidikan Islam (BPI), Kementerian Pendidikan Malaysia telah melaksanakan pelbagai program bagi mengatasi masalah ini. Oleh kerana itu kepentingan kajian ini diharap dapat memberikan gambaran dan maklumat yang jelas dan terperinci kepada pihak Sektor Pendidikan Islam (SPI), Bahagian Pendidikan Islam (BPI), Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), Pentadbir dan guru terhadap Pelaksanaan Program SUMUR yang dilaksanakan di sekolah menengah khususnya SABK dapat mencapai matlamat dan objektif seperti yang KPM hasratkan.



Ini kerana pengkaji menilai pelaksanaan program SUMUR dengan menggunakan Model Penilaian KIPP yang agak kurang digunakan dalam menilai program-program yang berunsurkan keagamaan. Oleh yang demikian sebarang permasalahan yang timbul sepanjang pelaksanaan program akan dikenalpasti dan diambil tindakan dengan melakukan penambahbaikan bagi memastikan program SUMUR ini mencapai objektif yang telah ditetapkan.

Hal ini kerana sekiranya program ini tetap diteruskan tanpa mengambil kira permasalahan dan penambahbaikan yang dicadangkan sudah tentu ianya memberikan impak yang buruk kepada pelajar. Justeru adalah bertepatan dengan tujuan penilaian ini diadakan adalah untuk mengumpulkan dan membekalkan maklumat yang sahih kepada pihak pengurusan untuk membuat keputusan, ditambah pula dengan tugas guru yang bertanggungjawab sebagai pelaksana program tersebut.





Seterusnya hasil kajian ini juga penting kepada Pejabat Pendidikan Daerah, sekolah dan guru kerana ianya boleh dijadikan sebagai panduan dalam melaksanakan program SUMUR dan akhirnya murid yang bertindak sebagai golongan sasaran yang mempunyai kepentingan ke atas hasil kajian yang dijalankan. Rentetan itu sebarang saranan, cadangan dan penambahbaikan yang dikemukakan diharapkan sedikit sebanyak dapat memberikan impak yang positif terhadap semua murid.

1.9 Batasan Kajian

Kajian ini bertujuan menilai pelaksanaan program SUMUR di SABK Negeri Selangor dan berbentuk deskriptif yang menggunakan kaedah tinjauan dengan menggunakan Model Penilaian KIPP (Stufflebeam & Shinkfield, 2007). Memandangkan pelbagai kekangan adalah di luar kawalan penyelidik maka kajian ini hanya menilai pelaksanaan program di lima buah SABK yang mewakili Zon Barat di Negeri Selangor. Sekolah ini dipilih berdasarkan hasil pemilihan secara rawak dengan meletakkan senarai negeri dan daerah di dalam balang. Responden kajian ini ialah semua guru yang terlibat secara langsung dengan program SUMUR ini. Oleh yang demikian, dapatan kajian ini tidak boleh dibandingkan dengan kajian yang mengkaji penilaian program ini kepada sekolah menengah yang lain.



1.10 Definisi Operasional

Menerusi kajian ini, beberapa definisi operasional yang digunakan menurut konteks yang ada kaitannya dengan masalah kajian, objektif, rasional, tujuan, batasan, pensampelan, metodologi dan analisis statistik dijelaskan mengikut interpretasi yang betul agar pembaca dapat memahami dengan betul prosedur dan hasil kajian.

1.10.1 Penilaian

Azizi & Mohd Isha (2016) penilaian ialah satu konsep yang digunakan dalam pelbagai bidang yang mempunyai matlamat tersendiri. Dalam bidang pendidikan biasanya penilaian dilaksanakan dalam semua peringkat aktiviti program yang bertujuan untuk mengesan penguasaan dan kemajuan pelajar serta menilai keberkesanan pencapaian sesuatu program. Selain itu ianya juga digunakan untuk menentukan nilai sesuatu objek (Vincent & Denis, 2014), serta untuk mendapatkan maklumat yang berguna sebelum membuat pertimbangan yang selanjutnya oleh pihak yang berkepentingan.

Manakala menurut Stufflebeam (2002b), penilaian adalah suatu kajian yang direka bentuk dan dilaksanakan untuk membantu pihak tertentu menilai atau mentaksir suatu merit bagi sesuatu objek.

Dalam konteks kajian ini penilaian yang dilakukan adalah untuk melihat, memperbaiki dan meningkatkan kemampuan kearah kemenjadian pelajar terhadap program yang dilaksanakan.





1.10.2 Model KIPP (CIPP)

Model KIPP (CIPP) adalah model penilaian yang diasaskan oleh Daniel LeRoy Stufflebeam pada tahun 1936 yang berorientasikan kepada keputusan untuk membekalkan maklumat kepada pihak yang berkepentingan sebelum membuat sesuatu keputusan. Akronim KIPP adalah terdiri daripada empat huruf iaitu K adalah Konteks, I(Input), P(Proses) dan P(Produk).

Dalam kajian ini konstruk bagi konteks adalah merujuk kepada keperluan, peluang dan nilai program yang merangkumi 3 perkara utama iaitu Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK), Falsafah Pendidikan Islam (FPI) dan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025, manakala input pula terdiri daripada tiga konstruk yang meliputi kecukupan kemudahan, hebahan maklumat, dan juga kompetensi guru. Bagi konstruk kemudahan ianya meliputi kemudahan dari segi peralatan, kewangan dan kelengkapan, seterusnya bagi konstruk hebahan maklumat manakala bagi konstruk kompetensi guru adalah meliputi pengetahuan dan kemahiran guru terhadap program yang dilaksanakan.

Seterusnya bagi konstruk proses ianya merangkumi dua konstruk utama yang terdiri daripada kaedah pelaksanaan program dan modul, dan cabaran sepanjang program dilaksanakan manakala bagi konstruk yang terakhir iaitu produk ianya merujuk kepada lima matlamat utama pelaksanaan Program SUMUR iaitu bagi melahirkan murid yang memiliki personaliti terpuji dan boleh dicontohi, sentiasa memburu ilmu untuk kebahagiaan di dunia dan akhirat, mempraktikkan amalan penjagaan kesihatan yang cemerlang, mempunyai ketahanan diri dan berusaha meningkatkan daya kepimpinan dan mempunyai semangat patriotisme yang tinggi.





1.10.3 Program SUMUR

Program SUMUR adalah singkatan bagi Sahsiah Unggul Murid iaitu program yang dilaksanakan di semua sekolah menengah di Malaysia yang mengandungi 4 modul utama iaitu Modul Mutadayyin, Modul Berbudi Bahasa, Modul Jati Diri, Modul Penampilan Diri yang mempunyai enam objektif utama antaranya melahirkan murid yang memiliki personaliti terpuji dan boleh dicontohi, sentiasa memburu ilmu untuk kebahagiaan dunia dan akhirat, mempraktikkan amalan penjagaan yang cemerlang, mempunyai ketahanan diri dan mempunyai semangat patriotisme yang tinggi.

Sehubungan itu dalam konteks kajian ini ianya akan membincangkan tentang sahsiah, akhlak, jati diri, daya kepimpinan dan nilai-nilai murni yang harus ada bagi seorang pelajar.



1.10.4 Sahsiah

Menurut Kamus Dewan Sahsiah bermaksud keperibadian atau peribadi yang merujuk kepada kecenderungan bertingkah laku bagi seseorang individu, manakala Kagan (1988) mentakrifkan sahsiah sebagai corak keseluruhan seseorang individu yang merangkumi cara berfikir, berasa, bertingkah laku dan cara berhubungan dengan alam sekitar.

Ee Ah Meng (1997) pula mengatakan sahsiah merujuk kepada pembentukan psikologi seseorang individu secara keseluruhan yang merangkumi perangai,





kecerdasan, sentimen, sikap, minat, kepercayaan, cita-cita dan nilai-nilai. Oleh yang demikian dapat disimpulkan dalam kajian ini ianya merujuk kepada kecenderungan tingkah laku individu yang merangkumi cara berhubungan, sikap, peribadi, nilai dan tingkah laku mulia seseorang pelajar.

1.10.5 Nilai-nilai murni

Nilai adalah tanggapan yang menentukan samada sesuatu itu baik atau buruk, sekiranya ianya memberikan kesan yang positif pada kepentingan individu ataupun masyarakat, maka ianya dikatakan sebagai nilai murni (Najeemah, 2006) yang merupakan asas kepada nilai keagamaan dan kerohanian yang seharusnya tidak dilupakan walau dalam mengejar arus kemodenan yang boleh dirujuk berdasarkan pengalaman, pandangan kepercayaan, perasaan dan keinginan yang dapat dijadikan panduan bagi membolehkan individu, keluarga dan masyarakat hidup dalam keadaan yang harmoni dan sejahtera.

Sehubungan itu penerapan nilai murni ini perlu diterapkan sedari awal agar ianya mampu membentuk sifat peribadi, perwatakan dan konsep sendiri yang positif dan sangat penting dalam perkembangan minda kanak-kanak khususnya remaja kerana dengan penerapan nilai murni ini akan dapat membawa kepada kesejahteraan hidup, sikap positif, nilai kerohanian dan nilai kemanusiaan yang diterima dan dihargai oleh masyarakat.





1.10.6 Akhlak

Akhlak berasal daripada perkataan “al-Khuluq” yang didefinisikan sebagai keperibadian, sahsiah dan sifat-sifat yang merujuk kepada perbuatan mulia juga merupakan ajaran dan tingkah laku yang lebih tinggi dari nilai moral (S.Salahudin, 2017). Ianya juga ditafsirkan sebagai etika dan moral yang merujuk kepada tabiat semula jadi, adat kebiasaan, susila, niat, sikap, pandangan hidup, maruah dan agama seseorang yang perlu dibangunkan dengan cara memberikan latihan dalam bidang pendidikan yang bersasaskan kepada al-Quran dan as-Sunnah (Saharia, 2013).

Abdullah Naseh ‘Ulwan (1988) mengatakan pembangunan akhlak berdasarkan pentaakulan kognatif dan aqli terbahagi kepada lima bahagian iaitu merangkumi pengikatan akidah, contoh teladan, kebiasaan, bimbingan, nasihat dan pemerhatian yang dapat dibahagikan kepada dua bahagian iaitu mahmudah (baik) dan mazmumah (buruk). Justeru dapat disimpulkan bahawa akhlak sebenarnya adalah sesuatu yang datangny dari dalam jiwa dan diterjemahkan melalui perbuatan yang mulia yang akhirnya dapat membentuk jiwa yang bersih dan suci dengan pengamalan dan penghayatan ke arah pembentukan manusia yang mulia dan terpuji.

1.10.7 Jati diri

Jati diri merupakan pengaruh yang terpenting dalam kehidupan setiap manusia khasnya para pelajar. Ianya dapat ditakrifkan sebagai sifat atau ciri unik dan istimewa yang dijadikan lambang dan teras keperibadian seseorang individu dalam mengejar cita





bagi melahirkan insan yang baik, menyeluruh dan bersepadu dari segi emosi, rohani, intelek dan sosial.

Sehubungan itu bertepatan dengan peralihan umur dari alam kanak-kanak ke alam remaja yang sangat mencabar mereka memerlukan bimbingan dari golongan dewasa khususnya ibubapa dan guru dengan memberikan panduan, dorongan dan tunjuk ajar ke arah pembentukan jati diri yang baik agar mampu memikul amanah yang telah disyariatkan suatu hari kelak. Sebagaimana firman Allah dalam surah at-Taubah ayat 112 yang bermaksud: *“mereka itu adalah orang-orang yang bertaubat, yang beribadat, yang memuji, yang melawat, yang ruku’, yang sujud, yang menyuruh berbuat ma’ruf dan mencegah berbuat munkar dan yang memelihara hukum-hukum Allah”*. Perkataan mereka adalah merujuk kepada golongan remaja agar sentiasa menjaga dan memelihara jati diri sebagai seorang muslim dengan sentiasa beribadat, memuji Allah SWT, mengembara, melakukan rukuk dan sujud, melakukan perkara ma’ruf dan mencegah perbuatan mungkar.

1.10.8 Daya kepimpinan

Daya kepimpinan adalah yang melibatkan keupayaan, kebolehan dan kebijaksanaan seseorang untuk memerintah, mengarah dan mendorong serta mempengaruhi seseorang. Dalam kajian ini daya kepimpinan merujuk kepada kebijaksanaan seseorang individu untuk membuat keputusan dan mampu berkomunikasi secara baik dengan orang lain, berwibawa dan disegani yang akhirnya membawa kepada minat dan boleh dijadikan role model.





1.10.9 Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK)

Sekolah Agama Bantuan Kerajaan adalah sekolah-sekolah yang berdaftar dengan KPM dan ditadbir oleh KPM yang asalnya terdiri daripada sebuah Sekolah Agama yang diurus tadbirkan oleh Kerajaan Negeri yang berjumlah 6746 buah sekolah meliputi Sabah dan Sarawak.

Di negeri Selangor sahaja terdapat sebanyak 23 buah sekolah SABK yang diletakkan di bawah sembilan daerah yang berbeza dan telah dikelompokkan kepada empat zon yang utama iaitu Zon Utara, Zon Selatan, Zon Timur dan Zon Barat dan setiap zon akan mempunyai lima atau enam buah SABK di dalamnya.



1.11 Rumusan

Dalam bab ini, secara keseluruhannya merupakan pengenalan kepada kajian yang dijalankan oleh pengkaji iaitu Penilaian Program SUMUR. Ia juga membincangkan tentang segala maklumat berkaitan permasalahan kajian, objektif kajian, persoalan kajian dan hipotesis kajian. Selain itu keterangan tentang penggunaan kerangka konseptual yang diadaptasi dari Model Penilaian KIPP (CIPP) juga diberikan sebagai panduan asas kepada pengkaji dalam menjalankan Penilaian Pelaksanaan Program SUMUR di SABK.

